

**SIDANG MEDIA RAMPASAN RACUN PEROSAK TIDAK BERDAFTAR DI  
BAWAH AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK BERDAFTAR 1974**



Kuala Lumpur, 9 Oktober – Seksyen Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja, Jabatan Pertanian Malaysia dalam operasi yang dijalankan pada 6 Oktober 2020 telah membuat serbuan ke atas premis menjual dan menyimpan racun makhluk perosak dan merampas 35 tan pelbagai jenis racun makhluk perosak tidak berdaftar di sebuah premis di Rawang, Selangor.

Pelbagai racun makhluk perosak berlabel dan tidak berlabel disyaki merupakan racun tiruan turut dirampas di tempat kejadian. Racun dengan

label mengelirukan ini memberi kesan buruk kepada petani, pengguna hasil tanaman, dan juga alam sekitar. Pihak Jabatan akan terus mempergiatkan usaha dalam menjejak salah laku pengeluar racun makhluk perosak tidak berdaftar dengan langkah dan akta sedia ada.

Adalah penting kepada petani dan pengguna untuk menyemak dahulu racun makhluk perosak sebelum melakukan sebarang pembelian. Pastikan pada label racun makhluk perosak terdapat nombor pendaftaran yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia. Semakan boleh di buat melalui <http://www.portal.doa.gov.my/sismarp/>.